



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2020

MPP 3

BAHASA MELAYU KERTAS 2

Nama :

Free download
@soalanpercubaanspm

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang **manfaat-manfaat sarapan dan punca-punca masyarakat tidak mengambil sarapan**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pengambilan sarapan ialah *amalan rutin* bagi sesetengah orang. Amalan ini dilakukan pada setiap pagi dan sebelum memulakan sesuatu urusan seperti belajar atau bekerja. Namun begitu, bagi sesetengah orang, bersarapan bukanlah satu kewajipan dalam kehidupan mereka. Ramai yang tidak mengetahui bahawa pengambilan sarapan merupakan pemula aktif bagi metabolisme untuk membantu membakar kalori sepanjang hari. Tinjauan Pemakanan Dewasa Malaysia melaporkan, golongan dewasa berusia antara 18 hingga 39 tahun tidak gemar mengambil sarapan berbanding makan tengah hari dan malam.

Pengambilan sarapan secara tidak langsung dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan seharian selain membantu seseorang untuk fokus di tempat kerja atau sekolah. Oleh hal yang demikian, sarapan tidak sepatutnya dipandang ringan oleh setiap individu. Masyarakat tidak menyedari bahawa terdapat banyak impak negatif sekiranya mengabaikan sarapan. Orang yang tidak bersarapan berasa lebih lapar dan cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak pada waktu makan seterusnya. Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa makanan alternatif seperti madu dan minyak zaitun boleh diambil ketika sarapan kerana makanan tersebut dapat membekalkan tenaga kepada pengambilnya.

Banyak kajian mendapati bahawa sarapan mampu meningkatkan ingatan dan tumpuan seseorang, malahan dapat menurunkan tahap kolesterol jahat, iaitu lipoprotein berketumpatan rendah di dalam darah. Kolesterol ini amat membahayakan kesihatan diri kerana boleh menyebabkan pemendakan lemak dan menyempitkan salur darah. Selain itu, pengambilan sarapan juga dapat mengurangkan risiko penyakit kronik. Oleh hal yang demikian, mereka yang mengabaikan sarapan boleh membawa kepada risiko mendapat penyakit berbahaya.

Waktu yang paling optimum untuk mengambil sarapan adalah antara 30 minit hingga dua jam selepas terjaga daripada tidur. Pengambilan sarapan mampu membantu individu yang mahu menurunkan berat badan. Makanan yang tinggi seratnya boleh mengenyangkan dalam tempoh yang lama dan mengurangkan selera makan. Mereka yang mempunyai tahap kolesterol yang tinggi dalam darah disarankan mengambil sarapan supaya metabolisme badan dan komposisi kolesterol di dalam darah dapat dioptimumkan. Kesimpulannya, masyarakat yang mementingkan kesihatan perlu mengutamakan pengambilan sarapan pada setiap hari. Antara sajian sarapan yang disyorkan oleh pakar pemakanan ialah makanan yang sihat, seimbang dan lengkap dengan kandungan karbohidrat, protein, lemak serta sayur-sayuran.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Sarapan Cegah Penyakit'
oleh Mohd. Faizal Mat Salleh,
Dewan Kosmik, Bil 9 / 2018

Free download
@soalanpercubaanspm

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *amalan rutin*.

[2 markah]

- (ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa kesan sekiranya masyarakat tidak mengambil sarapan.

Nyatakan kesan-kesan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Pakar pemakanan ada menyatakan bahawa sarapan ialah sajian awal yang perlu diambil pada setiap hari.

Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa dalam menggalakkan pengambilan sarapan dalam kalangan ahli keluarga?

[4 markah]

Free download
@soalanpercubaanspm

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dek benih penjajah yang menanamkan racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernaahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.

Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalender Mei pada wajah hari.

“Tanah air ini pernah bernyala api tragedi. Penjajah menabur bara sengketa melalui pengagihan sumber kekayaan bumi ini tidak seimbang. Bangsa pertama ditempatkan di bandar-bandar besar sebagai peniaga dan pengusaha lombong bijih timah. Bangsa kedua terbiar daripada arus pembangunan dengan mendiami kampung-kampung tradisional di luar bandar sebagai nelayan dan pesawah. Bangsa ketiga pula terus-menerus melarat dalam kemiskinan di ladang-ladang dan estet yang serba mundur. Masing-masing terpisah oleh tembok dan benteng perkauman yang tebal. Tiada usaha untuk penyatuan setiap bangsa melalui satu bahasa pertuturan atau agihan kekayaan saksama.”

Saya hayati cerita bonda tentang sejarah yang hampir memusnahkan negara ini. Kota besar itulah yang menjadi gelanggang pertumpahan darah dan korban kematian yang bukan sedikit. Semuanya berlaku angkara kejahatan terhadap salasilah tanah air yang terpecah kepada pagar-pagar perkauman yang tebal.

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Free download
@soalanpercubaanspm

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan lokasi-lokasi tempat tinggal setiap kaum yang ditempatkan oleh penjajah?

[2 markah]

- (ii) “Dek benih penjajah yang menanamkan racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, akhirnya masyarakat negara kita sering berprasangka buruk.”

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara pihak sekolah dapat merapatkan jurang perkauman antara murid yang berbilang kaum di sekolah?

[3 markah]

- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan satu persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Nara Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, *kelakuannya gila-gila bahasa*. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini."

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *kelakuannya gila-gila bahasa*. [2 markah]
- (ii) Tun Umar digambarkan sebagai seorang yang sangat berani mengambil risiko walaupun terpaksa membahayakan dirinya. Nyatakan tindakan-tindakan tersebut? [3 markah]
- (iii) Bendahara Paduka Raja ialah pembesar yang berpandangan jauh kerana sentiasa mencari jalan untuk memastikan Melaka tidak dijajah oleh Siam.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha Bendahara Paduka Raja untuk memastikan Melaka tidak dijajah oleh kuasa besar tersebut. [3 markah]

Free download
@soalanpercubaanspm

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejadah Rindu

Terkedu aku
di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

Mohd Haikal Aminuddin

Kalam Pertama, 2013

Antologi *Jaker Kulit Kijang dari Istanbul*,

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kian mengikuti*.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, sebagai seorang pelajar, apakah langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk berbakti kepada ibu bapa?
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.
[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) rendang
- (ii) selak
- (iii) perang

[6 markah]

- (b) *Cerakinkan ayat-ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.*

- (i) Danial meletakkan baju kotor itu ke dalam bakul di hadapan biliknya selepas pulang dari sekolah.
- (ii) Afeeqah menjalankan perniagaan pakaian dan kosmetik di premis perniagaan milik datuknya.
- (iii) Simon bekerja sebagai pembantu di kedai makan untuk membantu menambahkan pendapatan keluarganya.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerajaan bersedia untuk melanjutkan pemberian rebet bil elektrik sehingga hujung tahun untuk diringankan beban rakyat.
- (ii) Melalui matapelajaran Sejarah, pelajar dapat memahami pahit getir kehidupan rakyat pada zaman dijajah dan memupuk semangat patriotik.
- (iii) Kerajaan sentiasa menggalakan murid aktif dalam sukan yang diminati dengan menyediakan banyak kemudahan untuk bersukan disekolah.

[6 markah]

Free download
@soalanpercubaanspm

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Dato' Wan Zahari telah merasmikan majlis tanah pecah projek pemeliharaan ikan keli selebar lima ekar di Rembau.
- (ii) Pengetua telah memberikan intensif sebanyak RM1000.00 kepada semua pelajar-pelajar yang telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan SPM baru-baru ini.
- (iii) Ahmad paling dikenali sekali dalam kalangan rakannya sebagai seorang pelajar yang berhemah ketika berbelanja.

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi di bawah.*

- (i) Pengantin yang bersanding di atas pelamin itu kelihatan sama cantik dan menjadi tumpuan tetamu yang hadir.
- (ii) Pak Abu akhirnya berjaya menyiapkan sebuah rumah untuk keluarganya walaupun beliau hanya berpeluang membina rumah itu pada hujung minggu sahaja atas kesibukan kerja.
- (iii) Setelah sekian lama berhijrah ke luar negara, akhirnya Faim pulang ke kampung halamannya dan membuka sebuah kedai runcit.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani, karya Beb Sabariah
- (vii) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, wajarkah pengarang **mengakhiri cerita** seperti yang terdapat dalam setiap novel? Berikan alasan anda.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Free download
@soalanpercubaanspm